Tinjauan Keseluruhan

Risiko kepada kestabilan kewangan kekal terkawal walaupun penularan semula jangkitan COVID-19 dan kelewatan pelaksanaan pemberian vaksin terutamanya dalam kebanyakan negara sedang pesat membangun telah menjejaskan pemulihan ekonomi global pada separuh pertama tahun 2021. Perimbangan yang teliti terus dibuat oleh penggubal dasar di seluruh dunia berhubung dengan keperluan untuk mengekalkan sokongan dasar yang luar biasa bagi ekonomi berikutan prospek yang masih tidak jelas akibat pandemik. Hal ini juga bagi mengelakkan wujudnya kelemahan pada masa hadapan akibat penilaian aset yang melebihi kebiasaan, peningkatan pengambilan risiko dan leveraj yang lebih tinggi oleh sektor swasta dalam keadaan pelanjutan tempoh kadar faedah yang rendah. Jangkaan bahawa dasar monetari akan kembali normal di ekonomi maju boleh meningkatkan risiko terhadap sistem kewangan yang masih belum pulih sepenuhnya dan mempunyai kelemahan yang lebih ketara.

Di Malaysia, kestabilan kewangan domestik terus disokong dengan kukuh oleh sektor kewangan yang berdaya tahan. Peningkatan peruntukan pada tahun 2020 telah memberikan bank-bank sedikit ruang pada tahun 2021 untuk mengurangkan jumlah peruntukan tambahan yang disediakan bagi kerugian kredit, dan menyokong pemulihan keuntungan. Keadaan ini membolehkan bank-bank terus memberikan bantuan bayaran balik hutang kepada isi rumah dan perniagaan yang terjejas akibat sekatan pergerakan terkini dan pada masa yang sama mengekalkan aktiviti pinjaman. Penanggung insurans dan pengendali takaful pada amnya juga terus menjana keuntungan dan berada pada kedudukan yang baik untuk membantu individu dan perniagaan dengan memberikan fleksibiliti pada pembayaran premium dan caruman yang akan mengekalkan perlindungan mereka. Dalam pasaran kewangan domestik, keadaan kekal teratur dan terus menyokong keadaan pendanaan keseluruhan untuk bank-bank dan syarikat korporat. Kadar hasil bon domestik boleh mengalami kenaikan tekanan yang berterusan disebabkan oleh penawaran bon kerajaan yang lebih tinggi pada masa hadapan dan peningkatan kadar hasil Perbendaharaan Amerika Syarikat selanjutnya yang mencerminkan prospek ekonomi Amerika Syarikat yang bertambah baik. Walau bagaimanapun, kesan terhadap keuntungan dan kedudukan modal bank-bank serta penanggung insurans dan pengendali takaful dijangka kekal terurus, meskipun dalam senario pergerakan kadar hasil yang lebih besar daripada jangkaan.

Prestasi sektor perniagaan mula pulih menjelang suku kedua tahun 2021 berikutan pelonggaran sekatan pergerakan. Bahagian syarikat yang berisiko telah berkurang daripada kadar tertinggi sebelum ini yang dicatatkan pada tahun 2020. Namun, bahagian ini kekal lebih tinggi daripada paras purata sebelum pandemik disebabkan oleh cabaran yang terus dihadapi oleh syarikat dalam sektor-sektor yang terjejas lebih teruk akibat sekatan pergerakan. Leveraj perniagaan keseluruhan juga telah bertambah baik sejajar dengan pembayaran balik hutang yang lebih tinggi oleh syarikat. Walau bagaimanapun, pelaksanaan semula langkah-langkah pembendungan yang lebih ketat di seluruh negara menjelang akhir suku kedua tahun 2021 boleh menyaksikan peningkatan kewangan ini tertangguh, terutamanya dalam kalangan syarikat yang lebih kecil dalam sektor pembinaan dan perkhidmatan serta memanjangkan tempoh kesukaran yang sememangnya telah menimbulkan cabaran kepada syarikat dalam industri berkaitan dengan pelancongan. Keadaan ini boleh mengakibatkan tekanan semula terhadap keupayaan membayar balik hutang oleh syarikat yang lebih terjejas. Program bantuan bayaran balik pinjaman serta langkah-langkah sokongan oleh Kerajaan dan Bank setakat ini telah membendung sebarang peningkatan kes mungkir pinjaman yang ketara. Khususnya, bantuan aliran tunai daripada bayaran balik pinjaman tertunda membantu PKS untuk menghadapi pelaksanaan semula sekatan kawalan pergerakan dengan lebih baik, di samping kesan positif daripada langkah-langkah penjimatan kos dan penggunaan teknologi digital yang meningkat. Selaras dengan itu, bahagian pinjaman PKS yang dinilai berisiko kredit lebih tinggi oleh bank-bank kekal sederhana secara relatif walaupun terdapat peningkatan dalam PKS yang memohon bantuan bayaran balik pinjaman dalam beberapa bulan kebelakangan ini. Bank-bank juga terus memberikan pinjaman kepada PKS yang berdaya maju dengan pelbagai skim jaminan pembiayaan yang terus tersedia bagi melengkapkan pemberian pinjaman langsung bank-bank kepada segmen-segmen tersebut.

Kebanyakan peminjam isi rumah kekal berdaya tahan, dengan penampan kewangan sedia ada dan langkah-langkah bantuan dasar yang menyediakan perlindungan

terhadap potensi kejutan. Bantuan bayaran balik pinjaman yang diberikan oleh bank-bank terus memberikan sokongan kepada peminjam isi rumah yang menghadapi kesukaran kewangan. Hal ini sekali gus mengelakkan keadaan kewangan mereka dan seterusnya ekonomi serta sistem kewangan secara amnya daripada semakin terjejas. Walaupun bantuan ini menyokong keupayaan peminjam membayar balik hutang untuk sementara waktu, pemulihan ekonomi yang lebih utuh terus menjadi keutamaan bagi memulihkan kedudukan kewangan jangka panjang para peminjam. Bahagian peminjam isi rumah yang telah memohon bantuan bayaran balik hutang telah meningkat dengan mendadak selaras dengan bantuan bayaran balik hutang yang diberikan secara meluas oleh bank-bank pada bulan Jun dan Julai. Namun, seperti yang diperhatikan sebelum bulan Jun, bahagian ini dijangka berkurang sekali lagi apabila ekonomi dibuka semula secara beransur-ansur dan isi rumah melihat kurangnya keperluan untuk menambah penampan awasan. Yang penting, pemberian pinjaman baharu oleh bank-bank kepada sektor isi rumah terus disokong oleh piawaian pengunderaitan yang kukuh. Dedahan bank kepada peminjam isi rumah berisiko lebih tinggi dengan penampan kewangan yang kurang mencukupi kekal rendah.

Aktiviti dalam pasaran perumahan telah mengurangkan peningkatan awal yang dicatatkan pada separuh kedua tahun 2020 apabila kesan daripada tindak balas positif terhadap pelbagai insentif pemilikan rumah yang diperkenalkan oleh Kerajaan menjadi reda. Walau bagaimanapun, harga rumah terus disokong oleh permintaan yang berterusan dalam kalangan pembeli rumah kali pertama untuk harta tanah mampu milik. Keadaan ini dijangka mengurangkan risiko berkaitan dengan pembetulan harga rumah yang ketara yang boleh menjejaskan kedudukan kewangan isi rumah dan meningkatkan potensi kerugian kepada bank. Dedahan terhad oleh bank-bank terhadap pinjaman untuk pembelian harta tanah oleh pelabur isi rumah terus membendung risiko tersebut. Meskipun kadar faedah berada pada paras terendah yang pernah dicatatkan, langkah-langkah kehematan makro sedia ada juga terus mengukuhkan amalan pemberian pinjaman secara berhemat dalam kalangan bank. Hal ini sekali gus membendung peningkatan risiko pada masa hadapan yang timbul daripada ledakan harga harta tanah kediaman yang disebabkan oleh kredit seperti yang dialami di beberapa negara lain.

Bank-bank terus mengambil pendekatan memandang ke hadapan terhadap pengurusan risiko kredit meskipun menghadapi cabaran yang besar dalam mengemas kini penilaian kebolehpercayaan kredit peminjam. Keadaan ini sebahagiannya disebabkan oleh ketiadaan data yang lebih terkini mengenai bayaran balik hutang, terutamanya bagi peminjam yang mendaftar di bawah pelbagai program bantuan bayaran balik pinjaman. Sepanjang separuh pertama tahun 2021, bank-bank terus meningkatkan peruntukan bagi kerugian kredit berikutan jangkaan bahawa kualiti aset akan merosot apabila program bantuan bayaran balik pinjaman ditamatkan secara beransur-ansur. Nisbah perlindungan kerugian pinjaman kekal pada paras tertinggi yang pernah dicatatkan sebelum ini, mencerminkan tahap amalan peruntukan bank yang lebih ketat. Peruntukan oleh bank-bank yang mempunyai dedahan runcit yang tinggi juga telah meningkat dengan ketara dalam beberapa bulan kebelakangan ini berikutan program bantuan bayaran balik pinjaman yang diberikan dengan meluas secara berturut-turut. Keadaan ini terus memberikan jaminan bahawa bank-bank berada pada kedudukan yang baik untuk menghadapi kerugian kredit yang lebih tinggi daripada jangkaan sekiranya perkembangan kredit menjadi lebih teruk.

Meskipun prospek pemulihan ekonomi dalam negeri terus bergantung pada tahap ketidakpastian berhubung dengan trajektori pandemik, sistem kewangan domestik dijangka kekal berdaya tahan terhadap potensi kejutan ekonomi dan kewangan. Bank-bank, penanggung insurans dan pengendali takaful terus mempunyai penampan kewangan yang mencukupi untuk menyerap potensi kerugian dalam keadaan makroekonomi dan kewangan yang teruk dan pada masa yang sama mengekalkan sokongan untuk pemulihan ekonomi. Usaha untuk menguruskan risiko yang timbul daripada gangguan teknologi maklumat dan serangan siber terus menjadi keutamaan penting kepada Bank dan institusi kewangan. Hal ini berikutan keperluan untuk mengekalkan pelaksanaan pengaturan bekerja secara jarak jauh dan fleksibel bagi tempoh lebih panjang daripada jangkaan, serta pendigitalan perkhidmatan kewangan lebih meluas yang juga bergantung pada penyedia perkhidmatan pihak ketiga. Pelaburan yang besar dan berterusan oleh institusi kewangan untuk mengukuhkan pelan kesinambungan perniagaan dan daya tahan terhadap risiko siber kekal penting bagi mengurangkan risiko operasi pada peringkat institusi dan seluruh sistem. Pengoperasian Platform Risikan Ancaman Siber Sektor Kewangan pada bulan September yang dipantau oleh Bank akan terus menyokong usaha-usaha ini dengan meningkatkan keupayaan sektor kewangan bagi mengesan dan bertindak balas dengan pantas terhadap ancaman siber.